

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **YB SENATOR DATUK WIRA KOH NAI
KWONG**

TARIKH : **30 MAC 2022 (RABU)**

SOALAN

Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersedia meluluskan bantuan orang tua kepada mereka yang tidak mempunyai pendapatan (cuma bergantung kepada wang saku daripada anak) yang duduk bersendirian di mana anak-anak mereka yang berpendapatan rendah mempunyai keluarga masing-masing untuk ditanggung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan beberapa skim bantuan kewangan termasuklah Skim Bantuan Warga Emas bagi meringankan beban kumpulan sasaran Jabatan supaya dapat meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan kehidupan di dalam komuniti.

Bagi warga emas yang tinggal bersendirian dan terutama yang tidak mempunyai pendapatan, mereka boleh dipertimbangkan Bantuan Warga Emas (BWE) dengan kadar bantuan RM500 sebulan. Bantuan ini juga boleh dipertimbangkan kepada warga emas yang mempunyai anak yang berpendapatan rendah dan tidak mampu untuk menyumbang kepada ibu dan bapa sekiranya menepati syarat dan kriteria yang telah ditetapkan jabatan seperti berikut :

1. Warganegara dan bermastautin di Malaysia;
2. Warga emas berumur 60 tahun dan ke atas;
3. Pendapatan Isi Rumah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) RM1,169 sebulan atau Per Kapita RM310 sebulan. dan
4. Warga emas yang bukan tinggal di:
 - i) Institusi kendalian JKJ; atau
 - ii) Pusat jagaan harian / berkediaman yang memberi kemudahan / perkhidmatan secara percuma;

Berdasarkan statistik Jabatan sehingga Disember 2021, bilangan keseluruhan penerima bantuan adalah seramai 519,409 penerima dengan jumlah peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak RM2.4 bilion. Penerima Bantuan Warga Emas (BWE) merupakan penerima bantuan yang tertinggi iaitu seramai 138,446 penerima dengan peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak RM831 juta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK BOBBEY BIN
SUAN**

TARIKH : 30 MAC 2022 (RABU)

SOALAN

Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian untuk membantu keluarga, Orang Kurang Upaya (OKU) dan masyarakat yang terjejas dengan pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya telah membantu keluarga dan masyarakat termasuk Orang Kurang Upaya (OKU) yang terjejas mata pencarian kesan daripada ancaman pandemik COVID-19 melalui pelaksanaan program-program berikut:

- (i) Program Bantuan Bakul Makanan melalui peruntukan yang diterima daripada Kementerian Kewangan dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk diagihkan kepada masyarakat yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Selain itu juga, YKN turut menyelaraskan sumbangan yang diterima daripada syarikat korporat melalui Program Bakul Prihatin Negara (BPN). Dana yang terkumpul dan diuruskan oleh Kementerian melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) berjumlah RM21 juta yang diterima melalui sumbangan daripada sektor korporat;
- (ii) Bantuan Kewangan Khas OKU di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Sehingga 14 Oktober 2021, seramai 4,822 OKU bekerja yang didapati terjejas pendapatan akibat pandemik COVID-19 telah menerima bantuan kewangan sebanyak RM500.00 sebulan untuk tempoh tiga bulan bermula September hingga November 2021;
- (iii) Pelanjutan kelulusan Elaun Pekerja OKU (EPOKU) kepada seramai 92,265 penerima tanpa mengira status pekerjaan mereka sama ada masih bekerja ataupun telah kehilangan pekerjaan bagi membantu OKU yang terjejas akibat pandemik COVID-19;
- (iv) Program MyKasih Kapital – bantuan berbentuk keusahawanan sosial dan kebajikan produktif, diberikan kepada rakyat Malaysia khususnya kepada golongan wanita pencari nafkah utama keluarga yang sedang bergelut dengan masalah kewangan.

Pemberian insentif ini melalui bantuan asas modal perniagaan yang diberikan secara *one-off* sebagai usaha permulaan untuk menggalakkan wanita berniaga menggunakan platform e-dagang atau *dropship* dan lain-lain perniagaan yang memerlukan modal niaga yang kecil. Pada tahun 2021, sejumlah 4,000 orang wanita yang berkelayakan telah menerima insentif ini;

- (v) Inisiatif Wanita Bangkit yang bertujuan untuk memberi fokus kepada aktiviti penjanaan pendapatan dengan menghubungkan wanita kepada platform yang menawarkan peluang pekerjaan, perniagaan atau keusahawanan. Pada tahun 2021, sejumlah 5,135 wanita berjaya dihubungkan kepada peluang-peluang untuk menjana pendapatan melalui perniagaan kecil-kecilan dan peluang pekerjaan di dalam sektor formal;
- (vi) Program bantuan segera iaitu Kit Bantuan Sokongan Ibu dan Anak, pemberian keperluan asas ibu selepas bersalin seperti barangan penjagaan selepas bersalin, susu, lampin dan barangan keperluan bayi. Seramai 2,000 ibu yang baru bersalin dalam kalangan B40 telah menerima manfaat terutama di kawasan PPR di Kuala Lumpur;
- (vii) Program perkhidmatan *Job Coach* terutama kepada OKU Pembelajaran untuk diterima oleh majikan. Semenjak diperkenalkan pada tahun 2012, seramai 1,457 OKU telah mendapat manfaat daripada 884 majikan yang berminat menggajikan OKU;
- (viii) Perkhidmatan kaunseling secara dalam talian melalui *Toll Free Helpline Family Care @LPPKN*. Kemudahan *Toll Free Helpline* ini sebagai alternatif kepada kaedah kaunseling secara fizikal yang tidak dapat dilaksanakan berikutan daripada arahan PKP yang dikeluarkan. Sehingga 31 Disember 2021, seramai 1,820 klien telah menerima manfaat dari perkhidmatan ini; dan
- (ix) Menjalankan temuduga khas kepada OKU bersama PERKESO dan majikan terpilih. Sepanjang tahun 2021, terdapat 30 program

SOALAN NO. : 37

temu duga khas bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) diadakan di seluruh Malaysia. Jumlah kehadiran keseluruhan OKU yang hadir pada program tersebut adalah seramai 1,063 dan 255 OKU berjaya mendapat pekerjaan. Daripada jumlah tersebut seramai 168 OKU berjaya untuk ke sesi temu duga kedua.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI JEFRIDIN BIN ATAN

TARIKH : 30 MAC 2022 (RABU)

SOALAN

Dato' Haji Jefridin Bin Atan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kes berkaitan kecuaiian, pengabaian dan penderaan bayi dan kanak-kanak oleh pengasuh, taman asuhan kanak-kanak (taska) dan pusat jagaan sepanjang tahun 2021 dan apakah usaha kementerian dalam memperketatkan lagi pemantauan terhadap taska-taska yang berdaftar dengan kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) yang diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, Akta Pusat Jagaan 1993, Peraturan-Peraturan TASKA 2012 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994 sentiasa memandang serius berkaitan isu-isu melibatkan kes kecuaiian, pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang berlaku di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Pusat Jagaan.

Berikut adalah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi memastikan TASKA dan Pusat Jagaan yang berdaftar sentiasa mematuhi akta dan peraturan-peraturan yang ditetapkan :

- i. Pemantauan, pemeriksaan berkala dan mengejut dilaksanakan oleh Pegawai Diberi kuasa TASKA atau Pusat Jagaan ke premis-premis TASKA dan Pusat Jagaan yang berdaftar sekurang-kurangnya dua kali setahun;
- ii. Memperkasakan tindakan penguatkuasaan ke atas TASKA dan Pusat Jagaan yang melanggar Akta dan peraturan-peraturan di bawahnya;
- iii. Pengendali Pusat Jagaan diwajibkan membuat penilaian menggunakan sistem MyKendiri bagi memastikan pusat jagaan mematuhi akta dan peraturan yang ditetapkan; dan
- iv. Program kesedaran masyarakat sentiasa diadakan agar menjadi mata dan telinga Jabatan bagi melaporkan kejadian-kejadian yang disyaki melanggar Akta dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tahun 2021, sebanyak 6,144 kes penderaan kanak-kanak telah direkodkan. Daripada jumlah tersebut, secara umumnya terdapat 274 kes penderaan yang

SOALAN NO. : 41

disebabkan oleh pengasuh. Sepanjang tahun 2021 juga, sebanyak 7 kes penderaan yang berlaku di TASKA manakala 2 kes penderaan di Pusat Jagaan yang melibatkan kanak-kanak yang telah dilaporkan kepada JKM.

Dalam usaha menambahbaik perkhidmatan dan tahap keselamatan di TASKA dan Pusat Jagaan, Kementerian ini sentiasa memastikan TASKA-TASKA berdaftar mematuhi Akta dan Peraturan TASKA serta memenuhi syarat yang ditetapkan oleh JKM dengan mengadakan pemantauan secara mengejut dan juga berkala bagi memastikan kanak-kanak yang dihantar ke TASKA berdaftar mendapat didikan dan asuhan yang terbaik serta berada dalam keadaan yang selamat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR IR. TS. HAJI KHAIRIL
NIZAM BIN KHIRUDIN**

TARIKH : 30 MAC 2022 (RABU)

SOALAN

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bentuk bantuan tambahan yang diberikan kepada waris/penjaga anak-anak syurga yang mengalami palsy serebrum (Cerebral Palsy) di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Palsi Serebrum (cerebral palsy) adalah merupakan salah satu daripada sub kategori OKU kategori fizikal. Sehingga 28 Februari 2022, seramai 34,198 orang OKU *cerebral palsy* yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Akta Orang Kurang Upaya 2008 mengiktiraf bahawa orang kurang upaya (OKU) adalah berhak kepada peluang dan perlindungan, serta bantuan sama rata dalam segala hal keadaan dan tertakluk hanya kepada apa-apa batasan, sekatan dan perlindungan hak sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, semua OKU tanpa mengira kategori atau sub kategori kurang upaya termasuk *cerebral palsy* dan waris mereka adalah berhak mendapat bantuan dan kemudahan sama rata berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyantuni waris OKU *cerebral palsy* sama seperti waris OKU kategori kurang upaya lain melalui pelbagai jenis bantuan dan kemudahan sistem sokongan sosial seperti berikut:

- i. Kemudahan Jagaan, Perlindungan, Pemulihan dan Latihan melalui Institusi OKU;
- ii. Kemudahan Intervensi Awal kepada Kanak-Kanak OKU di TASKA OKU;
- iii. Kemudahan Pemulihan kepada OKU di Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK);
- iv. Perkhidmatan Sokongan kepada OKU dan Ahli Keluarga melalui di Pusat Kehidupan Berdikari atau *Independent Living Centre (ILC)*;
- iv. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT);
- v. Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB);
- vi. Elaun Pekerja OKU (EPOKU); dan
- vii. Bantuan Alat Tiruan dan Sokongan (BAT/S).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK MOHAN A/L
THANGARASU**

TARIKH : 30 MAC 2022 (RABU)

SOALAN

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kenapakah bantuan sara hidup termasuk warga tua dan OKU ditamatkan secara tiba-tiba tanpa sebarang maklumat dan adakah prosedur ulang kaji kes yang dilaksanakan setiap tahun bersifat mesra rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan bantuan kewangan kepada kumpulan sasar JKJ yang miskin dan memerlukan bantuan bagi meringankan beban untuk meneruskan kesejahteraan hidup yang lebih selesa dan sempurna.

Pada tahun 2021, JKJ telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM2.4 bilion bagi kegunaan bayaran bantuan bulanan dan bantuan sekaligus kepada 519,409 orang penerima bantuan di seluruh negara.

Perlaksanaan proses kaji semula dilaksanakan setiap tahun adalah bertujuan untuk menilai perubahan sosioekonomi dan memastikan setiap penerima bantuan yang menerima bantuan jabatan masih layak dan menepati kriteria dan syarat yang telah ditetapkan. Elemen kaji semula diterapkan dalam Pengurusan Bantuan Kebajikan melalui Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 sebagai satu kaedah untuk memastikan penerima yang layak sahaja diteruskan pemberian bantuan tersebut. Siasatan penilaian semula akan dibuat oleh JKJ bagi menentukan sama ada bantuan yang diterima akan disambung atau ditamatkan.

JKJ tidak menamatkan bantuan secara tiba-tiba tanpa sebarang maklumat dan bukti yang sahih. Sebarang penamatan akan dimaklumkan melalui surat dan akan dihubungi melalui telefon. Penerima bantuan juga boleh menyemak status bantuan mereka di dalam sistem eBantuan JKJ.

Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), JKJ melaksanakan inisiatif mempermudah proses kaji semula iaitu pengecualian proses kaji semula bagi semua skim bantuan. Penerima bantuan tidak perlu menghantar borang kaji semula dan penyambungan bantuan dilaksanakan sekiranya penerima bantuan masih layak. Arahan tersebut masih dilaksanakan bagi memberi kemudahan kepada penerima bantuan dalam menghadapi situasi COVID-19.

SOALAN NO. : 84

Berdasarkan statistik JKM, bagi tahun 2021 terdapat seramai 37,812 penerima bantuan ditamatkan kerana tidak lagi memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan. Faktor penamatan yang tertinggi ialah kerana penerima bantuan meninggal dunia iaitu sebanyak 53 peratus bersamaan dengan 20,182 kes.

Penerima bantuan yang telah ditamatkan bantuan tetapi terdapat perubahan status dan sosioekonomi mereka yang membolehkan mereka layak dipertimbangkan, mereka masih boleh membuat rayuan atau memohon semula dengan JKM. Permohonan akan disiasat mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam garis panduan sedia ada.

Sekian, terima kasih.